

BAB 6 PENGARUH DAN NILAI

6.1. Pengaruh

Kedudukan semenanjung Tanah Melayu yang strategik di tengah-tengah perjalanan perdagangan antara timur dan barat menjadikannya tempat persinggahan utama pedagang-pedagang asing. Pedagaang-pedagang ini bukan sahaja membawa barang dagangan malah boleh diibaratkan sebagai duta kecil yang membawa bersama budaya, kepercayaan dan agama. Bermula dari penghijrahan di antara wilayah di Nusantara sehingga ke zaman penjajahan barat, berbagai pengaruh dapat dilihat dalam corak kehidupan orang-orang Melayu Pantai Timur.

6.1.1 Pengaruh Hindu-Buddisma

Kewujudan hubungan di antara Kerajaan Hindu dan negeri-negeri di Asia Tenggara sejak beberapa abad yang lalu telah bertanggungjawab terhadap kemasukan kebudayaan Hindu di Nusantara ini. Hubungan budaya ini dapat dikesan melalui perhubungan perdagangan dan juga hubungan sosial dengan pedagang-pedagang India. J.C. Van Leur (1955), menganggap bahawa sistem agama Hindu, amalan-amalan yang berbentuk ritual, kesusasteraan, adat istiadat diraja dan susunan pentadbiran dan undang-undang, perbendaharaan kata Sanskrit dan mitos-mitos tentang kosmos merupakan ciri-ciri negeri-negeri Asia Tenggara yang diIndianisaskan. Dipercayai ciri-ciri ini diperkenalkan oleh golongan Brahma yang alim dan terpelajar, yang berkemungkinan dijemput untuk berkhidmat kepada pemerintah di Asia Tenggara sebagai sami, petunjuk atau penyair istana. Di

atas usaha mereka lah beberapa unsur kebudayaan India telah diperkenalkan dalam kehidupan sosial kerajaan tempatan dan juga memainkan peranan menubuhkan kerajaan-kerajaan awal. Antara kerajaan-kerajaan awal yang mengamalkan sistem kerajaan cara Hindu ialah Funan, Champa, Ho-Lo-Tan, Langkasuka, Kataha, Sriwijaya dan Majapahit. Segenting Melayu merupakan tempat bermulanya proses pengIndiaan bagi kesemua negeri-negeri di Asia Tenggara yang bererti bahawa, pada kurun-kurun yang berikutnya daerah ini sebagai titik perubahan yang merupakan tempat pertembungan berbagai-bagai pengaruh. Penemuan tapak-tapak kuil Hindu di Kedah, beberapa patung tembaga menunjukkan adanya pengaruh India dan sudah berlakunya hubungan seni yang mungkin merupakan hasil tempatan berinspirasikan India.

Di bidang kesenian keseluruhan hasil seni yang dihasilkan di zaman ini adalah lebih halus berbanding sebelumnya. Reka bentuknya dipengaruhi oleh budaya Hindu-Buddhisme yang lebih mementingkan agama dengan penggunaan alat-alat yang lebih baik. Hasil-hasil seni termasuklah bidang tekstil dan pakaian yang berkonsepkan budaya dan juga mementingkan fungsi tetapi bermutu seni.

6.1.1.1 Dongson

Hubungan seni telah terjalin di antara dunia Melayu dengan Indocina dipercayai bermula sejak zaman prasejarah dan berterusan hingga ke zaman sejarah. Beberapa hasil seni yang dijumpai di kawasan Pantai Timur dan Barat ternyata menunjukkan adanya kebudayaan Dongson di Tanah Melayu. Penemuan serpihan gendang yang diperbuat daripada gangsa dan loceng gangsa membuktikan adanya hubungan

diantara kedua-dua negeri ini. Hasil kajian menunjukkan teknik pembuatannya dan motif hiasan mempamirkan adat peradaban Dongson yang secara tidak langsung turut mempengaruhi gaya seni hias tekstil Melayu. Penggunaan corak motif yang berbentuk geometrik secara konsentrik, umpamanya susunan motif berbentuk ‘S’ yang terdapat dalam tenunan Melayu dipercayai diambil dari hiasan gendang milik tamaddun Dongson. Malah keluk dan pilin berganda ini juga terdapat dalam motif batik seperti yang terdapat dalam ilustrasi 16.

6.1.1.2 Yunan

Perdagangan laut memainkan peranan penting dalam penyebaran dan perkembangan pengaruh dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Antaranya persamaan dari segi penggunaan perkataan atau bahasa serta hasil seni diantara beberapa buah negara. Oleh yang demikian tidak hairanlah banyak motif-motif tekstil dihasilkan di Pantai Timur Tanah Melayu didapati mempunyai persamaan dengan motif yang digunakan di tempat-tempat lain. Antaranya ialah bunga pecah lapan yang terdapat pada songket Melayu dipercayai berasal dari Yunan yang juga digunakan di sekitar Nusantara (Henry Bong L.H, 1999). Plat 75 menunjukkan motif pecah lapan dalam tenunan songket tradisi.

6.1.1.3 Siam

Pendudukan Siam di utara Semenanjung Tanah Melayu turut meninggalkan kesan ke atas ragam hias tekstil dan pakaian Melayu di Pantai Timur. Sebagai contoh ialah penerapan motif gigi ikan yu kedalam tenunan songket Melayu yang diolah

kedalam bentuk pucuk rebung (Henry Bong L.H, ibid). Motif ini telah sebatی dalam tekstil Melayu yang menjadi hiasan kepala kain sarung, sampin serta selendang (seperti dalam ilustrasi 17).

Mengikut catatan sejarah, pada suatu masa dahulu, kerajaan Campa mempunyai hubungan dengan kerajaan Melayu di Pantai Timur. Dipercayai kaedah ikat celup tekstil Melayu diperkenalkan oleh penenun-pnenun Campa. Malah sehingga kini tekstil tenunan dan pakaian yang dipakai oleh Melayu Campa hampir mempunyai persamaan yang dirujuk kepada sebutan tradisi Kelantan sebagai kain sutera Cepa, tenunan Cepa, kelerai Cepa dan sanggul Cepa (Abdul Rahman, 1998).



Ilustrasi 16 Motif Keluk ‘S’ Pengaruh Dongson



Plat 75 Motif Bunga Pecah Lapan Pada Kain Songket



Ilustrasi 17 Motif Gigi Yu Pengaruh Dari Siam

6.1.2 Pengaruh Islam

Kemasukan Islam ke Tanah Melayu banyak menyumbangkan perubahan dalam amalan dan corak kehidupan orang-orang Melayu. Islam yang dipercayai mula bertapak diawal abad ke 14 terus berkembang dan mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu dalam semua aspek. Sehingga telah banyak meninggalkan warisan budaya dan kesenian Islam yang cemerlang. Bermula dengan penciptaan peralatan kegunaan harian kemudian dicetuskan pula dalam pengucapan rasa dan seterusnya menjadi lambang citarasa masyarakat. Pengaroh yang jelas dalam kesenian Islam dimulai dengan penampilan tulisan khat Arab yang berfungsi sebagai media dalam menyampaikan perutusan Allah s.w.t. Penampilan tulisan-tulisan Arab ini terdapat pada beberapa objek seni Islam seperti tembikar, permaidani, seni logam dan tekstil Melayu.

Kemahiran yang sedia ada dalam mengolah peralatan dan teknikal khususnya dari segi pemilihan motif ragam hias menampakkan kematangan dan kepakaran penenun dalam menyesuaikan unsur-unsur tradisi dan menggabungkan dengan unsur-unsur Islam. Sebelum kedatangan Islam terdapat banyak motif ragam hias tekstil Melayu menampilkan corak-corak binatang umpamanya burung, rama-rama, ikan dan sebagainya. Pada suatu masa dahulu motif-motif binatang amat digemari terutamanya didapati pada ragam hias sarung batik. Sebaliknya dengan kemasukan Islam, peggunaan figura manusia dan binatang menjadi larangan. Pengguna tidak lagi ingin memiliki kerana menimbulkan was-was atau keraguan dalam sembahyang. Ini memberi ilham kepada seniman-seniman tempatan untuk mengubahsuai motif-motif figura binatang menjadi pecahan-pecahan atau

mengasingkan tiap bahagian anggota badan binatang tersebut sehinggakan tidak lagi menyerupai figura asal yang lengkap seperti dalam ilustrasi 18. Sebaliknya motif-motif ini terus dikembangkan membentuk corak-corak baru yang kadangkala menyerupai kuntum-kuntum bunga yang berlainan (Nakula, 1990). Kemudian timbul motif-motif yang paling digemari iaitu berupa flora dan fauna yang pada mulanya berbentuk sepoohon bunga yang lengkap dengan umbi, batang, dahan, ranting, daun-daunan serta bunga-bungaan. Umbi ini muncul sebagai ‘rahsia’ berupa falsafah (*ibid*) yang digambarkan dengan benih permulaan yang dikaitkan dengan sifat-sifat Allah. Dari ‘rahsia’ itu muncul alam yang indah, sesuai dengan sifat Allah yang indah (*jamil*) dan sukaan keindahan (*jamal*).

Pengaroh Islam yang jelas ialah penampilan tulisan-tulisan Arab dalam ragam hias tekstil dan pakaian Melayu. Tulisan-tulisan ini ditenun, disulam dan dicop pada bahan-bahan tekstil dengan begitu indah sekali. Ramai sarjana berpendapat penggunaan motif kaligrafi ini adalah disebabkan oleh larangan-larangan Islam ke atas figura yang bernyawa dan ada juga yang menyatakan ianya semata-mata untuk hiasan. Namun jika difikirkan kesukaran dan ketilitian membuatnya seolah-olah mempunyai falsafah yang ingin disampaikan disebaliknya. Malah ungkapan-ungkapan yang sering digunakan seolah-olah berfungsi sebagai media untuk tujuan tertentu kerana pada keseluruhan kaligrafi yang terdapat pada tekstil dan pakaian serta bahan-bahan warisan seni Islam yang lain berupa kalimah-kalimah Allah. Di antara kalimah yang biasa didapati pada tekstil tradisional Melayu adalah seperti dalam ilustrasi 19. Disusun dengan baik tanpa meninggalkan sebarang perkataan agar tidak lari dari maksud asalnya seperti kalimah Shahadah :

Ilustrasi 19 Motif Kaligrafi Islam yang Sering Terdapat dalam Tekstil Tradisional Melayu

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

AKU BERSAKSI SEUNGGUHNYA TADA TUHAN
MELAINKAN ALLAH.

6.1.3 Pengaruh Istana

Sebelum abad ke 19, orang-orang biasa tidak dibenarkan memakai songket tanpa keizinan Sultan. Ini menyebabkan songket yang diusahakan terletak di bawah naungan diraja yang termaktub oleh kaum kerabat masing-masing. Perdagangan dikuasai oleh pihak istana dengan memastikan jalan masuk bagi barang mewah eksotik temasuklah sutera dan benang emas. Secara tidak langsung menunjukkan adanya batasan di antara pakaian pihak istana dengan rakyat biasa sebagaimana dijelaskan oleh Robbin Maxwell (1999). Sebagai contoh yang nyata ialah penetapan antara kain yang boleh digunakan oleh rakyat biasa ialah dari fiber sayuran tempatan sahaja berbanding dengan pakaian pihak bangsawan dan istana yang terdiri dari kain sutera dan benang mewah yang kebanyakannya diimpot. Tekstil sutera mewah di istana Melayu menjadi lambang prestij dan status social yang tinggi. Sebelum abad ke 19, kaum kerabat diraja dipercayai sering memperagakan songket agung masing-masing sebagai simbol kebesaran dan kekuasaan. Menurut Pn. Nik Zainab¹², Larangan bukan sahaja pada reka corak motif bahkan cara pakai juga dimiliki oleh kerabat-kerabat masing-masing. Sehingga jika corak motif tersebut telah dibuat untuk kerabat tertentu, ia tidak lagi boleh dibuat untuk kerabat yang lain.

Perkara yang paling jelas sekali ialah pengharaman penggunaan warna-warna tertentu seperti warna kuning dan beberapa warna lain. Warna menentukan status kedudukan Sultan, anak-anak raja serta pembesar-pembesar yang berkait rapat dengan institusi raja. Meskipun kedatangan Islam banyak mengubah cara hidup orang-orang Melayu khususnya bermula dari istana, namun kesan pengaruh Hindu

masih kuat dengan meletakkan raja ditingkat paling atas yang dilambangkan melalui konsep warna. Sarkar (1970), menjelaskan :

“ The historial tradition of Indonesia and Malaysia in the late Medieval and early modern period, When Islam held sway over this region, indicates similar rehabilitation on of the rootless royal dynasties of this region . ”

(hlm. 30)

Disini warna turut memberi makna dan menjelaskan lagi fungsi dalam kehidupan budaya tradisional yang masih kekal diamalkan di zaman keagungan kesultanan Melayu itu. Dalam konteks tradisi ini, warna kuning dan putih merupakan simbol utama golongan diraja dan dilarang sama sekali penggunaanya pada rakyat biasa. Siti Zainon (1986) menyenaraikan kedudukan warna payung sebagai simbol status dan budaya tradisional Melayu.

Putih untuk raja

Kuning untuk raja, anak-anak raja

Ungu/ Merah/ Hijau untuk sida-sida atau orang-orang besar

Biru untuk bentara, hulubalang

Hitam untuk orang bergelar dan juga dipakai oleh pahlawan termasuk laksamana ketika menjalankan tugas.

(hlm. 47)

Selain warna, jenis-jenis kain yang digunakan serta cara pemakaianya juga turut dikanunkan dalam adat tradisi Melayu.

“ In Malayan countries the use of certain kinds of cloth either universally or within certain limits, is confined to the royal family, are prohibited, under severe penalties, to all others..... within the precincts of the court it is unlawfull to wear cloth of a fine texture, such as muslin, without a similar license, or to have the cloth torn from his person and be driven out ignominiously.”

(Sarkar,ibid:280)

Larangan-larangan istana bukan sahaja pada bahan-bahan tekstil malah mencakupi cara pemakaian khususnya dalam upacara adat istiadat. Seseorang harus patuh pada adat-adat berpakaian sebagaimana yang ditetapkan dalam adat istiadat diraja Melayu di zaman dahulu iaitu (Syed Alwi, 1980) :

- “ a) Tiada harus orang-orang kebanyakan memakai sebarang pakaian daripada yang berwarna kuning atau kekuningan, walau mereka itu orang besar-besar sekalipun melainkan jika dianugerah atau diizinkan oleh raja memakainya, dan barang siapa yang menyalahinya harus dihukum.
- b) Tiada boleh mereka memakai pakaian yang nipis hingga berbayang nampak rupa kulit badan, seperti memakai baju daripada kain kasa atau yang seumpamanya, pada masa mereka di balairong atau di majlis-majlis diraja, melainkan dengan titah atau kurnia raja. Akan tetapi pada tempat-tempat selain daripada di balai raja, diistana raja atau majlis-majlis diraja tiada tertegah daripada memakainya”.

(hlm.57)

Manakala pada masa istiadat pertabalan juga telah ditetapkan adat berpakaian, antaranya ,

- “ 1. Bermula bagi laki-laki yang hendak masuk kedalam pada masa tabal itu ditegah daripada memakai baju khas, iaitu baju kurung berlidah, kancing mopon atau kancing kerawang, baju dalam kain dan keris di belakang, tetapi hendaklah berikat pinggang atau berpending atau lainnya di luar kain dan keris ke hadapan dan baju dilepaskan keluar dan boleh berbaju sutera dan bercorak.
- 2. Bagi perempuan adalah ditegah berbaju takus (baju khas panjang) berkancing dengan membujur, kancing dada berjajar, berbaju sutera bercorak, baju antelas, baju berantai, kain tiada berkepala, kain telepuk, kain berantai putih, kain cit, kain pelangir dan kain bercorak.
- 3. Adapun anak-anak raja yang perempuan pada hari tabal hendaklah semuanya memakai baju pandak, akan tetapi bolehlah mereka memakai baju sutera yang tiada bercorak, baju telepuk tidak bercorak, kain berantai yang tidak berwarna putih.”

(ibid,hlm.103)

6.2 Nilai-nilai Estetika

Tenunan, batik dan pakaian adalah tergolong sebagai karya seni atau objek seni yang bukan sahaja sebagai barang untuk kegunaan seharian masyarakat, tetapi sebaliknya ia juga mempunyai nilai kedudukan seni yang sama seperti di bidang seni yang lain. Tekstil dan persalinan Melayu mempunyai nilainya tersendiri baik dari segi reka bentuk dan falsafahnya yang disatukan dalam prinsip-prinsip atau elemen-elemen rekaan yang berjaya memancarkan nilai-nilai estetika yang tinggi.

Zakaria Ali (1989), mengemukakan enam prinsip estetika Melayu iaitu halus, berguna, bersatu, berlawanan, berlambang dan bermakana. Elemen-elemen ini tidak dapat dipisahkan dalam seni tekstil dan pakaian Melayu yang juga bertindak sebagai bahasa penyampai yang dapat menghuraikan adat budaya masyarakat Melayu. Gabungan prinsip-prinsip estetika ini telah menghasilkan keseimbangan dan keharmonian dalam mereka cipta hasil tekstil dan pakaian Melayu. Antara prinsip-prinsip yang jelas di bidang ini adalah seperti halus, gunaan, kesatuan dan berlambangan.

Prinsip halus yang dikaitkan dengan kehalusan objek seni Melayu tradisi hasil dari pengamatan dan imbangan seniman Melayu melahirkan karya dengan begitu harmoni, terkawal, cantik yang menimbulkan emosi lembut pada orang yang melihatnya. Kehalusannya lahir dari dua faktor utama iaitu cara pembuatannya dan kejujuran pada bahan iaitu memahami sifat-sifat bahan, had-hadnya dan setakat mana kecemerlangan bahan dapat diolah menjadi hasil cipta seni. Sikap acuh tidak acuh, tiada bakat, tidak tahu teknik, tidak berbakat boleh meninggalkan kesan

kepada penyudahan sesuatu kerja yang dilakukan. Begitu juga dengan tenunan Melayu, kehalusan seni tenun dapat dipandang dari daya cipta penempatan garis-garis dengan pelbagai variasi. Umpamanya pembentukan garis-garis lurus, gelombang, zig-zag dan lingkaran disusun dalam irama yang teratur dan harmonis.

Keseimbangan dan keharmonian bergabung di antara motif, warna dan perletakannya. Motif-motif disusun dan ditenun dengan teliti dan terperinci tanpa cacat cela yang mampu melahirkan hasil tenunan atau pakaian yang lebih lengkap yang bukan sekadar cantik dipandang tetapi halus dirasa (dipakai) dengan reka bentuknya yang bersesuaian dengan pergerakan.

Seni tekstil Melayu dicipta bukan sahaja hanya sekadar cantik dan indah dipandang atau selesa dipegang, malah pada asalnya ia lebih bersifat kegunaan. Fungsi gunaan (*Utility*) masih penting di samping hiasan atau kepelbagai bentuk, warna dan lain-lain. Bahkan ia dibuat atau dicipta sebagai sebahagian dari keseluruhan seperti boleh digunakan oleh sesiapa sahaja yang menunjukkan sifat perkongsian. Umpamanya kain sarung, ia boleh dipakai oleh sesiapa saja dan juga mempunyai pelbagai kegunaan.

Prinsip seterusnya ialah unity atau kesatuan yang nampak jelas dalam karya seni tekstil tradisi Melayu. Tiap-tiap bahagian berharmoni dan kena dengan tempatnya secara keseluruhan, ada mula dan akhirnya. Contohnya corak-corak motif yang dihasilkan adalah lebih lengkap dan bersatu. Wujudnya integrasi di antara unit-unit yang dicipta iaitu dari sekuntum bungan keserumpun, sehelai daun ke sepohon.

Susunan motifnya adalah hamoni dan tidak berkeliaran tanpa arah tetapi dapat berpaut pada satu kesatuan. Hasil-hasil tenunan yang dicipta memberi gambaran bahawa penenun-pnenun atau pembatik pada masa dahulu amat selektif dan teliti dalam meletak, menyusun dan mengatur motif serta komposisi pada hasil ciptaan mereka.

Selain dari itu elemen perlambangan juga terpapar dalam tekstil dan pakaian lama orang-orang Melayu. Lambang memainkan peranan penting dalam seni tekstil Melayu kerana ia berupa penyatuan antara isi dan bentuk yang mempunyai nilainya yang tersendiri dari segi reka bentuk dan falsafahnya. Dari segi reka bentuknya ia adalah hasil stailisasi benda-benda yang terdapat dari sekelilingnya. Contoh yang nyata ialah penggunaan motif pucuk rebung yang dipamirkan dalam bentuk dua dimensi yang terdapat pada bahagian kepala kain sarung. Dari sudut falsafahnya, pucuk rebung mempunyai hubungkait dengan pepatah Melayu yang berbunyi ‘kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya’, yang membawa makna jika hendak membentuk anak-anak, biarlah ketika mereka masih kecil. Disinilah terletaknya keunikan tekstil Melayu yang mempunyai falsafah dan rahsianya yang tersurat.

6.3 Unsur-unsur Simbolisma

Tukang tenun serta tukang jahit juga merupakan seniman agung Melayu yang berkarya dengan menggunakan benang-benang yang diolah dalam bentuk tekstil dan pakaian. Oleh yang demikian hasil kerja tangannya ini turut mempunyai mesej yang hendak disampaikan iaitu melalui penggunaan motif, warna dan cara pakai.

6.3.1 Motif Flora dan fauna

Pada keseluruhan keunikan dan kehalusan seni tekstil tradisional terletak pada ragam hiasnya yang lebih tertumpu kepada penggabungan diantara motif dan warna yang sesuai. Seniman dahulu adalah lebih selektif dalam memilih motif kerana ia sering dikaitkan dengan adat budaya dan kepercayaan masyarakat pada masa itu. Pada hakikatnya disebalik keindahan motif yang diolah pada tekstil ini ada makna yang tersirat yang ingin disampaikan. Antara ragam hias yang dipaparkan bersifat falsafah yang diolah dalam bentuk-bentuk motif tertentu. Motif yang dipaparkan adalah berkaitan dengan keindahan sifat-sifat Allah, sifat yang penuh rahsia yakni muncul Nya dari alam yang indah sesuai dengan sifat Allah yang indah (jamil) dan sukaan keindahan (Jamal). Sebagai contohnya pengolahan motif flora yang terdapat pada kain batik atau songket seperti dalam ilustrasi 20. Walaupun ia berupa bunga-bungaan, daun-daunan dan dahan-dahan bersama batang-batang atau sekuntum bunga sahaja, tetapi ia mempunyai maksud disebaliknya yang berkaitan dengan rahsia ‘Zat Allah’ dan sifatnya yang disebut ‘Benih Alam’ yang menjadi titik pada keindahan Allah (Nakula, ibid). Ilustrasi 20 menunjukkan motif-motif flora yang memaparkan benih-benih permulaan yang tersusun indah bak kata pepatah pujangga;

‘Tumbuh hendaklah berpunca, punca itu rahsia, tajam tidak
menerjah lawan, lilit tidak memeluk lawan, tetapi berlegar mesra’.

6.3.2 Motif Kaligrafi Arab

Kecemerlangan ragam hias tekstil Melayu khususnya penampilan limar bersurat membuktikan kedatangan Islam diterima dengan baik dan pengaruhnya sangat kuat dalam mayarakat Islam di Pantai Timur. Tulisan khaligrafi Arab mampu dilahirkan dalam seni tekstil yang menunjukkan keaiban masyarakat Melayu dahulu mempunyai selera atau estetika serta falsafah yang tinggi. Manakala ahli-ahli tenun mempunyai pengetahuan tinggi yang bersifat teknikal dan konsepsual sehingga begitu mahir menggabungkan bahan dan peralatan, kesenian, adat dan agama.

Kebanyakan motif kaligrafi Arab ini terdiri dari ayat-ayat suci Al Quran dan kalimah-kalimah Allah, nama-nama Malaikat serta Nabi. Kaligrafi yang terdapat pada tekstil dan pakaian Melayu terdiri dari tulisan yang menggunakan huruf-huruf Al Quran dan gesaan memahami serta membacanya memang digalakkan. Penampilan ayat-ayat tersebut diulang-ulang seolah-olah mengajak atau menyeru pembacanya kearah mentauhidkan Allah s.w.t. Kerumitan mengolah huruf-huruf itu dengan pengulangannya yang berkali-kali dapat membayangkan penenun sentiasa dalam keadaan berzikir sambil membuatnya. Oleh yang demikian penggunaan tekstil dan pakaian yang mempunyai motif kaligrafi Islam ini hanya dipakai untuk tujuan-tujuan tertentu sahaja.

Begitu juga dengan surah-surah yang terdapat pada baju kiswah yang dipakai oleh hulubalang-hulubalang atau panglima Melayu disulami dengan kaligrafi Arab yang

memberi maksud tertentu. Dipercayai ia dapat memberi semangat dan juga pendinding pada sipemakai.

6.3.3 Susunan Motif

Kehidupan sosial masyarakat Melayu Tradisi juga turut diterjemahkan melalui penyusunan serta perletakan motif diatas permukaan kain. Mohd. Dewa (1999), menghuraikan unsur-unsur simbolik yang terdapat pada sehelai kain sarung yang menggambarkan tentang kehidupan yang berperingkat-peringkat dalam masyarakat Melayu. Jenis-jenis motif dan susun atur perletakannya memberi maksud tersendiri yang saling berkaitan di antara satu sama lain. Ilustrasi 21 menjelaskan unsur unsur simbolik disebalik penyusunan motif atau pembahagian ruang pada kain sarung. Pemilihan motif dan penggunaan ruang yang terancang pada sarung seolah-olah memberi maklumat berhubung dengan soal adat dan kehidupan sosial masyarakat Melayu di zaman dahulu.

**Ilustrasi 20 Motif Bunga Lengkap Yang Menjadi Ilham Seni membatik, telepuk
Dan Sulaman Tradisional**



Punca yang tersembunyi dengan batangnya melengkar indah




Bunga dan batang bergabung dengan harmoni dan berulang-ulang membentuk
kesinambungan yang tiada awal dan akhir



Sepohon bunga yang lengkap berpunca tapi tersembunyi, melengkar dengan seimbang
antara dahan, bunga dan dedaunan

Ilustrasi 21 Unsur-unsur Simbolik Di Sebalik Rupa Bentuk Sarung



Kepala kain merupakan pertemuan antara sepasang pucuk rebung yang digambarkan dengan pasangan lelaki dan perempuan. Peringkat ini (di peringkat kudup) perlu untuk menyuburkan sulur.

Pengapit Kepala Kain

Pengapit kepala kain terdiri dari sulur sebagai bunga yang menjalar penghias ruang dan tali air bagi menyuburkan sulur yang menggambarkan saling memerlukan di antara satu sama lain. Sulur melambangkan alam kanak-kanak yang memerlukan pengawasan.

Badan Kain

Badan Kain melambangkan alam dewasa kesinambungan alam kanak-kanak. Oleh yang demikian tidak hairanlah kebanyakan motif di ruangan ini adalah dari bunga-bunga yang sedang berkembang dan mekar.

6.3.4 Warna

Warna berupa unsur penting yang turut diberi perhatian dalam menghasilkan seni tekstil tradisi. Pemilihan warna yang sesuai bukan saja berdasarkan pada keindahan yang ditampilkan malah dapat menggambarkan maksud tertentu. Nakula (1993), mengaitkan warna dengan lambang-lambang ketuhanan dan proses-proses kejadian alam kecil dan alam besar. Warna-warna ini dibahagikan kepada tiga cara iaitu warna ringkas (tiga warna), warna sedang (lima warna), warna lengkap (tujuh warna yang biasanya digunakan oleh raja-raja). Warna-warna ini mempunyai pengertiannya yang tersendiri, contohnya warna lengkap bermaksud :

1. Hitam - melambangkan Zat Allah yang tidak dapat dicapai oleh akal makhluk, sama dengan perkataan ‘kelam’.
2. Ungu - dipandang dari segi kejadian alam besar ialah air amrita yang telah tajalli dari zat Allah sebagai lautan dan dipandang dari segi kejadian alam kecil ialah lambang warna roh tabii yang tajalli dari Zat Allah.
3. Biru - dipandang dari segi kejadian alam besar ialah warna suatu ketulan air amrita atau gas yang berpusing juga disebut dengan ‘buih’ dan dipandang dari segi kejadian alam kecil ialah lambang ketulan darah yang mula-mula terjadi dalam alam rahim.
4. Merah - dipandang dari segi kejadian alam besar ialah warna ketulan air amrita atau gas yang sedang amat panas hendak meletup menjadikan alam dan dipandang dari segi alam kecil ialah lambang warna darah yang telah membesar dalam rahim.
5. Hijau - dipandang dari segi kejadian alam besar ialah warna serpihan-serpihan gas yang sedang bertindak meluncur ke segenap penjuru, hasil dari letupan dan

- dipandang dari segi alam kecil ialah lambang warna anggota-anggota bayi seperti dua kaki, dua tangan dan lain-lain yang bertindak menumbuh di dalam rahim.
6. Putih - dipandang dari segi alam besar ialah lambang alam yang telah terjadi dengan langit-langit dan bumi dan dipandang dari segi alam kecil ialah lambang kelengkapan kejadian anggota-anggota bayi di dalam rahim dan peniupan roh insani.
 7. Kuning – dipandang dari segi alam besar ialah lambang kesempurnaan tajalli alam itu dan dipandang dari segi alam kecil ialah lambang kesempurnaan bayi iaitu dilahirkanya dialam nyata.

6.3.5 Cara Pemakaian

Perbezaan status kedudukan antara rakyat dan golongan atasan memang dapat dilihat dengan jelas pada masa dahulu. Penggunaan bahan tekstil turut membezakan pemerintah dengan yang diperintah, status sosial menjadi asas struktur istana diraja Melayu. Contohnya penggunaan fiber sayur-sayuran sebagai bahan asas tekstil menyumbangkan maklumat terperinci mengenai asal usul pemakai dan kedudukannya dalam masyarakat. Rakyat biasa memakai pakaian yang diperbuat dari fiber seperti nenas, kapas atau kulit kayu. Manakala golongan berada memakai tekstil sutera mewah serta songket yang dipenuhi kilauan benang emas dan perak yang menjadi lambang prestij dan status sosial yang tinggi.

Adat berpakaian turut mencerminkan budaya hidup masyarakat Melayu yang mengutamakan peradaban dan penampilan lengkap. Pemberian anugerah sering dikaitkan dengan beberapa persalinan seperti satu cepер, tiga cepер atau lima cepер

atau persalinan lengkap. Pemberian tersebut berasaskan sumbangan yang dilakukan terhadap negeri atau pun istana oleh seseorang.

Cara pemakaian juga memberi maklumat mengenai simbol status pemakai. Selain dari perbezaan bahan yang digunakan, cara penampilannya juga turut memperjelaskan maksud di sebaliknya. Umpamanya gaya pemakaian dastar atau setangan akan memberi gambaran kedudukan serta asal usulnya. Corak gubahan, motif dan warna yang berlainan akan mencerminkan status pemakai.

Pada hakikatnya keunikan tekstil dan pakaian Melayu tradisi dapat dilihat dari gabungan diantara kecantikan dan keindahan bahan tersebut dengan adat kesopanan serta keagama. Sebagai contoh, pemakaian sarung yang meletakkan kepala kain dibahagian belakang mempunyai dua sebab. Pertamanya untuk memastikan bahagian berhias itu terserlah maka ia tidak diletakkan dalam lipatan kain dibahagian hadapan. Keduanya menggambarkan kesopanan wanita Melayu supaya kelihatan lebih sopan apabila membelakangkan orang di mana kepala kain yang cantik itu menjadi tarikan kepada orang yang di belakang (Zakiah Hanum, 1987).

6.4 Kualiti Dan Seni

Tukang-tukang tenun dan tukang jahit sentiasa menjaga kualiti kain yang dihasilkan dan memberi perhatian yang serius dalam semua aspek yang terlibat dalam semua peringkat pemerosesan. Nilai-nilai seni, mutu, adat budaya ditampilkan dengan baik melalui keindahan kostum dan tekstil Melayu ini.

6.4.1 Seni Pembuatan

Keunikian dan keindahan tekstil Melayu bukan sahaja terletak pada kehalusan dan ketelitian hasilnya sahaja, malah bermula dari proses membuatnya yang penuh berseni. Jika diperhatikan dari peralatan yang digunakan, sudah dapat dibayangkan daya kreativiti dan keikhlasan tukang-tukang tenun dalam meghasilkan ciptaan mereka. Peralatan yang digunakan diukir indah dan diberi nama yang indah-indah bersesuaian dengan fungsi dan kegunaannya. Sebagai contohnya kek tenun dan beberapa peralatan tenun lainnya diukir indah yang menyenangkan mata memandang. Kemungkinan ia dapat mencetuskan ilham, keselesaan serta ketenangan pada penenun semasa menggunakannya. Manakala komponen-komponennya diberi nama seperti dagu, mulut, gigi seolah-olah menggambarkan hasil tenunan itu suatu perluahan rasa penenun.

6.4.2 Kualiti Pembuatan

Penenun-petenun pada masa dahulu amat berhati-hati dan teliti dalam menghasilkan ciptaan mereka. Jika diperhatikan pada songket-songket lama, corak-corak motif disusun elok dan kebanyakannya motif adalah kecil-kecil, padat dan seboleh-bolehnya mereka menghindari penggunaan motif-motif besar. Kebanyakan motif songket yang dihasilkan adalah berbentuk bunga penuh dan ditenun dengan cermat dan teliti. Manakala jenis-jenis motif yang dipilih adalah bersesuaian dengan corak dan bergabung dengan penuh harmoni dari segi saiz serta kegunaannya di samping tidak mengenepikan maksud-maksud di sebaliknya.

Sebagaimana yang kita lihat meskipun songket tersebut berupa songket penuh atau teluk berantai namun ia dapat dipakai dengan selesa dan tidak mengganggu pergerakan pemakainya. Mungkin ini disebabkan bahan-bahan yang digunakan dari bahan asli seperti benang emas dan sutera serta pewarna yang digunakan dan kehalusan tenunan tersebut. Mengikut Puan Toni¹³, benang-benang emas ditenun dengan begitu teliti dan cermat, jika tersilap kedudukannya, benang-benang yang sudah ditenun tersebut dibuka semula dan diperbetulkan sehingga betul letak duduknya. Untuk menjaga kualiti dan keindahan songket, benang emas atau perak hanya ditenun bersama benang sutera sahaja dan motif-motifnya adalah bunga penuh atau bertabur.

Ketelitian dan kepekaan penenun dalam menghasilkan tekstil Melayu yang bermutu tinggi dapat dirasai dengan penampilan motif-motif kaligrafi Arab yang diatur dan diolah dengan baiknya. Mereka begitu peka dalam memilih ayat-ayat dan penggunaan ruang yang seimbang. Saiz setiap huruf-huruf jika dibandingkan dengan kelebaran dan panjang kain yang dihasilkan amat bersesuaian, tidak kelihatan janggal, tidak terlalu kecil atau besar meskipun diulang berkali-kali. Penenun benar-benar memahami apa yang ditugaskan kepadanya dan menghargai serta menjiwai ketinggian makna kaligrafi tersebut. Untuk itu mereka mempunyai pengetahuan teknikal yang tinggi dan berkonsepsual. Dari aspek teknikalnya bererti mahir menggunakan bahan dan peralatan dan disesuaikan dengan konsep yakni memahami makna dan keagungan ayat-ayat suci. Oleh yang demikian ia ditenun dengan cermat tanpa meninggalkan sepatah perkataan atau sebarang huruf agar tidak lari dari maknanya yang sebenar. Daya kreativiti dan ketinggian pengetahuan penenun dalam mengolah kaligrafi Islam ini mampu menghasilkan bahan

tekstil yang bernilai tinggi yang bukan sahaja bersifat hiasan tetapi juga lebih kearah pendidikan agama.

6.4.3 Seni Reka Bentuk

6.4.3.1 Saiz

Reka bentuk tekstil tradisi Melayu amat ringkas yang didapati dalam bentuk kepingan (*piece*). Boleh dikatakan keseluruhan pola kain tenunan Melayu dihasilkan dalam bentuk geometrik samada segi empat sama atau segi empat tepat. Saiznya bersesuaian dengan fungsinya serta cara pemakaianya. Antaranya seperti kain punca potong, selendang, kain panjang sembilan, tengkolok, samping dan sarung, didapati dalam saiz-saiz tertentu yang amat bersesuaian dengan cara pemakaianya. Kain punca potong umpamanya tidak melebihi dua hasta dengan bidangnya yang tertentu sesuai dengan fungsinya sebagai kain kembang untuk wanita dan juga dapat dipakai oleh kaum lelaki dari paras pinggang hingga ke lutut. Oleh itu saiz reka bentuk serta saiznya berupaya digunakan oleh semua orang tanpa mengira saiz seseorang. Begitu juga dengan penggunaan kain panjang sembilan, dimana reka bentuk dan saiznya amat bersesuaian dengan cara pemakaianya. Keunikan susunan dan lipatannya mampu menyesuaikan reka bentuk kain tersebut dengan kadar banding badan seseorang di mana jatuh kain tersebut dengan kedudukan motif harmoni dan terletak elok tanpa cacat cela. Keunikan ciptaan tenunan Melayu ini turut memaparkan daya kreativiti dan ketinggian kesenian orang-orang Melayu yang mana ianya bukan saja mampu dipakai oleh sesiapa sahaja malah ia dapat digubah dan diolah dengan berbagai

bentuk sepetimana kain dastar atau tengkolok. Ianya dapat digubah kepada berbagai bentuk yang menarik dan berupaya disesuaikan dengan saiz kepala sesiapa sahaja.

6.4.3.2 Pemilihan Motif

Reka corak yang menarik adalah terletak pada pemilihan motif yang sesuai dan susunaturnya pada permukaan tekstil. Penenun-penenun Melayu amat peka dalam memilih motif dalam semua jenis tekstil khususnya tenunan songket. Umpamanya bagi songket penuh, motif yang dipilih adalah bersaiz kecil berbanding dengan songket corak bertabur yang kebanyakannya motifnya lebih besar. Corak-corak ini bergabung diantara satu sama lain membentuk satu corak baru yang penuh harmoni. Meskipun berbagai jenis motif dipaparkan dalam satu hasil tenunan namun ia disusun dan diletakkan dengan begitu rapi serta teratur tanpa membelakangkan maksud atau makna disebaliknya.

Pada dasarnya motif-motif yang digunakan pada tekstil tenunan Melayu adalah berilhamkan alam semulajadi seperti flora dan fauna. Namun tidak dapat dinafikan juga ada yang bersumberkan kebendaan, kueh-mueh tempatan dan kosmos. Motif-motif ini ditimbulkan dalam bentuk geometrik pada tenunan songket dan sebaliknya lebih bebas pada motif-motif batik serta sulaman.

Ketinggian dan kemuliaan kain tenunan Melayu amat terserlah dengan penggunaan motif kailigrafi Arab yang mampu disampaikan dengan baik. Bermula dari pemilihan ayat, penyusunannya sehingga ke peringkat tenunan perlu dibuat dengan

penuh teliti. Malah fungsi dan cara pemakaianya turut diambil kira. Ayat-ayat yang dipilih adalah dari Al-Quran dan Hadis-Hadis Nabi yang mempunyai maksud yang tersendiri dan tidak dipakai dengan sewenang-wenangnya. Huruf-huruf atau ayat-ayat yang dipilih disusun rapi dan saiz setiap huruf jika dibandingkan dengan lebar dan panjang kain itu amat sesuai, tidak terasa janggal serta tidak terlalu kecil ataupun besar. Penggunaan kadar banding dan ruang yang terancang walaupun diulang berkali-kali atau ditambah dengan motif-motif hiasan yang lain. Ayat-ayatnya disusun lengkap dan tidak terputus agar tidak lari dari maksud asalnya.

6.4.3.3 Pemilihan Warna

Perhatian dan ketelitian bukan sahaja ditumpukan pada penghasilan reka bentuk dan reka corak motif sahaja sebaliknya kepekaan memilih warna juga tidak kurang pentingnya. Kombinasi warna yang seimbang menjadikannya lebih menarik dan tidak keterlaluan penampilannya. Meskipun warna-warna pada zaman dahulu agak terhad namun ketinggian daya kreativiti penenun, telah berjaya menghasilkan warna-warna yang menarik dengan menggabungkan warna-warna asas. Pemilihan warna natar yang bersesuaian dapat menimbulkan corak-corak motif yang ditenun khususnya songket. Umpamanya warna natar yang lebih gelap atau lebih kontras akan membantu menaikkan seri songket tersebut dengan kilauan benang emas atau perak.

6.4.3.4 Seni Padanan

Pada keseluruhan reka bentuk pakaian Melayu adalah ringkas, lurus dan longgar. Pada peringkat awal, pakaian yang dipakai adalah tidak berjahit dan dipakai secara ikat, lilit, simpul atau kilas pada badan membentuk siluet yang ringkas lurus atau berombak. Sungguhpun cara pemakaianya ringkas tetapi memerlukan kecekapan untuk memakainya seperti kain sarung dan kain panjang sembilan memerlukan kemahiran untuk memakainya dengan cara yang betul agar kelihatan menarik. Bagi pakaian yang berjahit pemakaianya adalah lebih komplek dan ditambah dengan ragam hias serta eksesori bagi menambahkan lagi serinya. Pola pakaian dirancang dengan teliti dan ditambahkan dengan ragam hias untuk mencantikkan pakaian tersebut. Gaya pemakaianya adalah berbagai di mana ada yang sedondong serta kombinasi corak atau warna yang berlainan. Sungguhpun demikian ia tidak kelihatan berselerak sebaliknya dipadankan dengan seimbang.

Reka bentuk pakaian lelaki atau wanita adalah longgar dan besar bersesuaian dengan tuntutan agama serta sifat-sifat kesopanan orang-orang Melayu. Reka bentuknya lebih praktikal memudahkan pergerakan serta tidak merimaskan. Sebagai contohnya baju kebaya, walaupun laboh hingga ke buku lali namun ia dapat dipakai dengan selesa kerana hadapannya terbuka dan dikenakan kerongsang hingga keparas pinggang sahaja. Ini menjadikannya lebih mudah untuk dipakai, senang bergerak dan praktikal. Malahan bentuknya yang longgar memberi ruang kepada udara untuk keluar masuk menjadikannya tidak berpeluh dan selesa dipakai.

Manakala kain yang ditenun khas untuk selendang, punca potong, kain panjang sembilan dan cindai yang mewah hasil seninya tetap dipakai dalam bentuk asalnya. Ianya tidak dipotong-potong untuk dijadikan pakaian berjahit. Sebaliknya untuk membuat pakaian, penenun-petenun menghasilkan kain tenunan atau songket khas bagi tujuan tersebut. Pola selendang ini tetap kekal dari segi fungsi dan keindahannya sebagaimana tujuan asalnya. Begitu juga dengan kain tenunan yang bermotifkan kaligrafi atau yang bermotifkan kalimah-kalimah Suci, tidak dipakai sembarangan, keseluruhannya dipakai atau digunakan untuk membuat pakaian-pakaian yang tertentu dan hanya dipakai oleh orang-orang tertentu sahaja bersesuaian dengan ketinggian serta kemuliaan ayat-ayat suci yang perlu dijaga kesuciannya.

6.5 Kesimpulan

Reka bentuk kostum Melayu pada mulanya banyak ditentukan oleh jenis tenunan dan sifat-sifat kain tenun tersebut sepertimana yang dibuktikan dalam bab 5. Saiz dan reka corak kain tenun tersebut menjadi faktor utama dalam menentukan pola reka bentuk pakaian Melayu. Namun tidak dapat dinafikan terdapat faktor-faktor lain yang turut menyumbangkan pengaruhnya dalam menentukan reka bentuk pakaian ini. Antara faktor-faktor lain ialah adat budaya, pegangan agama, status kedudukan dan pengaruh luaran. Faktor agama memberi sumbangan terbesar dalam mencorakkan seni tekstil dan persalinan Melayu. Kemasukan Islam di Pantai Timur telah mempengaruhi bidang tekstil dan mengubah corak pemakaian orang-orang Melayu dalam semua aspek seperti penggunaan motif dan reka bentuk pakaian. Sebelum kedatangan Islam corak pemakaian adalah ringkas dan mendedahkan aurat di mana banyak dipengaruhi oleh Sriwijaya dan Siam. Sebaliknya setelah kemasukan agama Islam, orang-orang Melayu mula memakai baju yang lebih sopan dengan reka bentuk yang lebih longgar, labuh dan tidak mendedahkan aurat. Manakala perubahan corak pemakaian ini juga disebabkan oleh kedudukan institusi istana yang mengenakan larangan-larangan serta peraturan-peraturan tertentu keatas rakyat jelata. Antara larangan yang telah dikenakan keatas rakyat biasa ialah tidak dibenarkan memakai warna-warna tertentu, motif, jenis kain yang digunakan dan cara pakai. Larangan-larangan ini telah menampilkan perbezaan satus kedudukan yang jelas di antara golongan berada dengan rakyat biasa.

Di peringkat awal, fungsi utama pakaian adalah semata-mata untuk kegunaan harian bagi melindung badan dari semua elemen-elemen cuaca, keselamatan dan sebagainya. Oleh yang demikian reka bentuknya adalah ringkas dan mementingkan keselesaan semasa bergerak atau melakukan pekerjaan. Kemudiannya kemajuan pemikiran manusia telah memberi ruang kepada perubahan citarasa masyarakat Melayu yang ingin kan sesuatu yang lebih baik termasuklah bidang pakaian ini. Reka bentuk tekstil dan pakaian tidak lagi terikat pada fungsi gunaan sahaja malah lebih dari itu dengan pengenalan berbagai reka bentuk baru serta diserikan lagi dengan beranika ragam hias. Di atas daya kreativiti tukang-tukang tenun dan tukang jahit telah mampu menghasilkan tekstil yang mempunyai nilai-nilai estetika, halus dan unik. Di samping itu juga kedudukan tekstil dan pakaian Melyu menjadi lebih bernilai yang secara tidak langsung menjadikannya sebagai lambang status kedudukan seseorang dalam masyarakat.

Pada masa dahulu, tekstil Melayu merupakan satu objek seni yang berlambang di mana ia dijadikan sebagai satu bahan perantaraan atau media untuk menyampaikan sesuatu mesej. Reka bentuk, reka corak, motif dan warna yang diolah pada bahan tekstil merupakan suatu luahan rasa yang ingin disampaikan oleh tukang-tukang tenun melalui benang-benang tenunan. Di sebalik setiap hasil tenunan mempunyai mesej yang ingin ditampilkan. Boleh dikatakan seluruh tekstil Melayu mempunyai unsur-unsur simbolik.

Bahan-bahan tekstil dan pakaian yang dicipta pada masa dahulu adalah sangat halus, teliti dan berkualiti. Tukang-tukang tenun dan tukang jahit begitu teliti dan sentiasa menjaga mutu hasil ciptaannya khususnya dalam menghasilkan cindai,

limar dan songket. Limar songket dan limar bersurat yang begitu rumit buatannya berjaya dihasilkan dengan menarik tanpa cacat celanya. Ini menunjukkan mereka begitu teliti, mahir dalam teknikal dan selektif. Hasilnya tenunan ini begitu halus, indah, berkualiti dan unik berbanding dengan kain-kain yang sama dihasilkan sekarang ini yang lebih mementingkan keuntungan semata-mata.

Nota

¹² Pn. Nik Zainab merupakan seorang tukang jahit/sulam keluarga diraja Kelantan sejak Sultanah Zainab 11. Beliau ditemubual di rumahnya di Jalan Merbau, 15300 Kota Bharu, Kelantan pada 10 hb Jun 1999.

¹³ Pn. Toni bt Ab. Rahman merupakan bekas Penyelia Tenun di Pusat Kraftangan Terengganu yang telah berkecimpung dalam bidang ini selama 30 tahun. Beliau telah ditemubual pada 11 hb Jun 1999.